



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA PERKASA KESELAMATAN DAN SEKURITI NUKLEAR SERANTAU DAN ANTARABANGSA

JOHOR BAHRU, 7 JULAI 2025 – YB Tuan Aznan bin Tamin, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor telah menyempurnakan perasmian **Latih Amal Pelbagai Hala Pengesanan Sekuriti Nuklear, Malaysia-Indonesia-Thailand-Singapura 2025 (MITSATOM 2025)** di DoubleTree by Hilton Hotel, Johor Bahru, Johor.

MITSATOM 2025 diadakan pada 7 hingga 11 Julai 2025, di antara empat negara ASEAN iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand and Singapura, bertujuan untuk menguji keberkesanan komunikasi dalam bertindak balas kepada pengesanan terhadap kejadian sekuriti nuklear melibatkan penyeludupan bahan radioaktif merentas sempadan darat Malaysia-Thailand dan Malaysia-Singapura, serta sempadan laut Malaysia-Indonesia.

MITSATOM 2025 telah diadakan di bawah inisiatif Jabatan Tenaga Atom sebagai Pengerusi Rangkaian Badan Kawal Selia ASEAN mengenai Tenaga Atom (ASEANTOM), bersempena dengan Kepengerusian Malaysia di ASEAN bagi tahun 2025. MITSATOM 2025 telah diadakan dengan sokongan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan nilai keterangkuman, keselamatan bersama, dan tanggungjawab sejagat, pelaksanaan MITSATOM 2025 mendapat kerjasama padu daripada pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang dan Pegawai Barisan Hadapan (FLO), seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Lembaga Pelabuhan Johor.



Beberapa negara dan organisasi antarabangsa lain hadir sebagai pemerhati, termasuk Amerika Syarikat (AS), Kerajaan Arab Saudi, Brunei Darussalam, dan Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa (INTERPOL).

Sepanjang lima hari penganjurannya, MITSATOM 2025 menampilkan pelbagai jenis latihan, termasuk ceramah sekuriti nuklear, *Tabletop Exercise* (TTX) pada 8 dan 9 Julai 2025, dan *Field Training Exercise* (FTX) pada 10 Julai 2025. Latihan ini memberi peluang kepada peserta untuk menilai dan mengukuhkan kesiapsiagan dan keberkesanan prosedur agensi masing-masing dalam bertindakbalas terhadap pengesanan kejadian sekuriti nuklear di peringkat serantau. *Field Training Exercise* (FTX) yang dijalankan pada 10 Julai 2025 menguji keupayaan sebenar agensi penguatkuasaan undang-undang dan Pegawai Barisan Hadapan (FLO), melalui aktiviti fizikal yang melibatkan penempatan aset dan kakitangan di lokasi kejadian simulasi.

MITSATOM 2025 menyerlahkan komitmen berterusan Malaysia untuk mengukuhkan keselamatan dan sekuriti nuklear di peringkat serantau, di samping meningkatkan kerjasama strategik di kalangan negara anggota ASEAN dalam menangani potensi ancaman sekuriti nuklear rentas sempadan. Melalui platform ini, Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain boleh mengukuhkan rangkaian komunikasi, penyelarasan, dan tindak balas bersama terhadap insiden yang melibatkan bahan radioaktif atau bahan nuklear, selaras dengan aspirasi serantau dan global untuk keselamatan dan sekuriti nuklear.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI
07 JULAI 2025

Link Gambar :

<https://drive.google.com/drive/folders/1yI9NkE3SHVeHOxhOsqe8rFnCfYwt5CIL>

